



BERITA TAKAFUL ANDA

Apa itu “TAKAFUL”?

Takaful berasal dari perkataan Arab, yang bermaksud “**Jaminan Bersama**”, di mana sekumpulan peserta bersetuju untuk saling membantu antara satu sama lain, sekiranya salah seorang peserta mengalami kerugian daripada sebarang risiko tertentu.

Bagaimana Takaful Berfungsi?

Di Great Eastern Takaful (juga dikenali sebagai GETB, atau selepas ini dibahasakan sebagai Kami), Kami beroperasi berdasarkan perhubungan di antara principal dan ejen, di mana ejen dari pihak GETB akan bertindak bagi pihak Peserta dan memperoleh Caj Pendahuluan (Yuran *Wakalah*) bagi proses pengunderaitan dan pengurusan perkhidmatan di bawah kontrak *Wakalah bi al-Ujrah*. Pada masa yang sama Peserta (Anda), komited untuk mencarum ke dalam tabung derma (Dana *Tabarru'*) untuk tujuan perpaduan dan kerjasama di antara Peserta. Dana ini akan digunakan untuk membantu Peserta ketika menghadapi musibah.



Nota:

- 1) Dana Peserta terdiri daripada Akaun Individu Peserta (PIA), Akaun Unit Peserta (PUA) dan Dana *Tabarru'*. Produk yang berlainan mempunyai Dana Peserta yang berbeza.
- 2) Semua pelaburan di bawah Dana *Tabarru'* akan dilaburkan dalam aset dan sekuriti kewangan Patuh-Syariah.
- 3) Caj pendahuluan yang dikenakan adalah mengikut peratusan Caruman yang dibayar, bagi membayar kos pengagihan dan perbelanjaan pengurusan lain. Amaun ini akan ditolak dari Dana Peserta.
- 4) Bagi tujuan Takaful, sekiranya Dana *Tabarru'* mengalami defisit, Kami sebagai Pengendali Takaful akan mengatur Qard. Qard tersebut akan dibayar daripada Lebihan Pengunderaitan yang terhasil dari Dana *Tabarru'*.
- 5) Kami dan Peserta akan berkongsi Keuntungan Pelaburan (jika ada) yang terhasil daripada Dana *Tabarru'* berdasarkan nisbah peratusan X% dan Y% masing-masing yang dipersetujui di bawah kontrak *Mudharabah* selepas setiap tahun kewangan. Perkadaran adalah berbeza dan bergantung kepada setiap produk. Sekiranya tiada perkongsian Keuntungan Pelaburan, 100% Keuntungan Pelaburan akan dikreditkan ke dalam Dana *Tabarru'* di bawah kontrak *Wakalah bi al-Istithmar*.

Contoh Dana Peserta dan Dana *Tabarru'* Yang Digunapakai Di Great Eastern Takaful



Dana *Tabarru'*

Dana ini ditubuhkan bagi tujuan menyediakan pembayaran Manfaat Takaful bagi tuntutan apabila berlakunya musibah (termasuk manfaat kelangsungan hidup yang dijamin).



Akaun Unit Peserta

Akaun Individu yang mana Caruman diperuntukkan adalah bagi tujuan perlindungan dan pelaburan. Unit yang akan dibeli bergantung kepada harga unit dana yang dipilih. Di bawah PUA, terdapat 4 pilihan dana Patuh-Shariah yang bergantung kepada selera risiko pelaburan Anda; **Dana i-Makmur** (pendapatan), **Dana i-Mekar** (ekuiti), **Dana i-Majmuk** (campuran ekuiti dan pendapatan tetap) dan **Dana i-Ekuiti Global**.



Akaun Individu Peserta/ Akaun Takaful Universal Peserta

Akaun Individu yang mana Caruman Anda akan diperuntukkan. Dana ini akan dilaburkan secara kolektif dalam aset dan sekuriti kewangan Patuhi-Shariah.

Seterusnya *Tabarru'* akan ditolak secara bulanan dan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru'*.

Seterusnya *Tabarru'* akan ditolak secara bulanan dan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru'*.



Adakah Anda tahu yang Anda **akan mendapat keuntungan pelaburan** dengan melabur di PIA, UTA dan PUA? Pada masa yang sama, Perlindungan Anda akan **terus berkuatkuasa** selagi dana mempunyai nilai akaun yang mencukupi untuk penolakan *Tabarru'*.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat. Produk yang berlainan mempunyai Dana Peserta yang berbeza. Sila rujuk Sijil Anda, Manfaat Ilustrasi atau Risalah Pemberitahuan Produk untuk maklumat lanjut.

Adakah anda tahu maksud kontrak Syariah yang dinyatakan di dalam Sijil? Berikut adalah beberapa definisinya:-

Perkataan	Definisi
<i>Wakalah bi al-Ujrah</i>	Kontrak agensi di mana Peserta melantik dan memberi kuasa kepada Pengendali Takaful untuk mengurus Dana <i>Tabarru'</i> . Pengendali Takaful layak menerima upah tertentu seperti yang telah dipersetujui pada awal kontrak di atas perkhidmatan yang telah diberikan.
<i>Itizam bi al Tabarru'</i>	<i>Tabarru'</i> bermaksud sebahagian daripada Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana <i>Tabarru'</i> sebagai derma untuk tujuan pertolongan bersama dan bantuan kepada Peserta yang memerlukan.
<i>Ju'alah</i>	Dari sudut bahasa, ia adalah saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan, di mana Lebihan Pengunderaitan yang dikongsi di antara Peserta dan Pengendali Takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sebanyak 50:50 masing-masing yang mana akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
<i>Wakalah bi al-Istithmar</i>	Kontrak agensi di mana Pengendali Takaful akan melaburkan wang tersebut mengikut prinsipal <i>Wakalah bi al-Istithmar</i> . Pengendali Takaful layak menerima upah tertentu seperti yang telah dipersetujui pada awal kontrak di atas perkhidmatan yang telah diberikan (bagi PIA)/ Caj Pengurusan Dana (bagi PUA).
<i>Mudharabah</i>	Apabila Pengendali Takaful bertindak sebagai usahawan (<i>Mudharib</i>) yang menguruskan dana yang dikumpul dan Peserta sebagai pemilik modal (<i>Rabbul Mal</i>); di mana terdapat perkongsian keuntungan di antara Peserta dan Pengendali Takaful.
<i>Qard</i> (Pinjaman)	Sekiranya Dana <i>Tabarru'</i> mengalami defisit, Pengendali Takaful akan mengatur <i>Qard</i> (pinjaman). <i>Qard</i> tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana <i>Tabarru'</i> .
<i>Hibah</i>	Pemindahan pemilikan aset daripada penderma (wahib) kepada penerima (mawhub lahu) tanpa sebarang balasan. Konsep Hibah digunakan apabila Pengendali Takaful memberi manfaat daripada Dana Pengendali Takaful kepada Peserta.



Nak tahu lebih lanjut? Sila rujuk Sijil Takaful Anda atau hubungi perunding / perantara Takaful Anda!

Soalan Lazim



Mengapa saya perlu memahami Pelan Takaful saya?

Ianya penting bagi Anda untuk memahami apa yang Anda bayar supaya Anda dilindungi mengikut keperluan dan dapat membuat tuntutan untuk manfaat yang dilindungi apabila diperlukan.

Apakah perbezaan di antara Takaful dan Insurans Konvensional?

Perbezaan utama di antara Takaful dan Insurans Konvensional seperti berikut:

Perkara	Takaful	Konvensional
Apakah maksudnya?	Kontrak koperasi di mana dana terkumpul adalah derma daripada Peserta. Dana yang dikumpulkan dapat digunakan untuk melindungi Peserta dari risiko. Takaful adalah perkongsian risiko bersama antara Peserta.	Polisi yang mengalihkan risiko kepada syarikat insurans. Pemegang polisi membayar premium untuk mendapatkan perlindungan.
Apakah kontrak yang digunakan?	<i>Kontrak Tabarru'</i>	Kontrak Jual Beli
Bagaimana Dana Yang Dikumpulkan itu dilaburkan?	Pengendali hanya akan melabur dalam instrumen patuh-syariah yang bebas dari pada perjudian, riba' dan ketidakpastian*.	Syarikat insurans bebas melabur dalam instrumen undang-undang seperti saham, bon,dll.
Apakah yang terjadi kepada keuntungan dan Lebihan?	Dikongsi di antara Peserta dan Pengendali Takaful	Dividen dikembalikan kepada pemegang saham/syarikat.

Apakah prinsip Syariah utama yang digunakan di bawah Takaful?

Sistem Takaful menekankan semangat kerjasama dan tanggungjawab bersama di antara Peserta-peserta. Amalan *Gharar* (ketidakpastian), *Maisir* (Perjudian) dan *Riba'* (caj faedah) adalah dilarang oleh undang-undang syariah.

Bolehkan orang bukan Islam menyertai pelan Takaful?

Pelan Takaful terbuka kepada semua dan mereka itu tidak semestinya perlu beragama Islam untuk mendapatkan perlindungan Takaful. Peserta yang bukan Islam akan menikmati semua manfaat dan perkhidmatan yang ditawarkan di bawah pelan Takaful yang disertai*.

*kecuali i-Great Wawasan dan i-Great NEO berkaitan dengan Manfaat dan perkhidmatan berkaitan Haji.

Soalan Lazim

**Kami telah membuat perubahan kepada Model Operasi Takaful Kami.
Apakah perubahannya?**

Kami telah menyemak semula Model Operasi Takaful yang sedia ada bagi penolakan Caj Pendahuluan (Yuran *Wakalah*) yang ditolak daripada Dana Peserta masing-masing (PIA, PUA atau UTA). Sekiranya tiada akaun seperti yang disebut di atas, Caj Pendahuluan akan ditolak daripada Dana *Tabarru'*.

**Adakah perubahan ini mempengaruhi manfaat(-manfaat) saya?
Adakah saya perlu membayar lebih?**

Perubahan yang dibuat **TIDAK** akan mempengaruhi manfaat Takaful Anda dan Anda juga tidak akan dikenakan caruman tambahan, kadar *Tabarru'*, yuran dan caj lain.

Adakah saya akan menerima Sijil/ Endorsemen/ dokumen pemasaran yang baru berkaitan dengan perubahan tersebut?

Tidak, Anda tidak akan menerima Sijil, Endorsemen atau dokumen pemasaran baru yang berkaitan dengan perubahan dalam Model Operasi Takaful. Infografik dan Soalan Lazim ini berfungsi sebagai Pemberitahuan Kami kepada Anda.

Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan dengan perubahan tersebut?

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen atau pengantara Anda, atau hubungi Kami di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Tingkat 3, Menara Great Eastern,
303 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.
Tel : (603) 4259 8338
Faks : (603) 4259 8808
Careline : 1 300 13 8338
E-mel : i-greatcare@greateastertakaful.com
Laman Web : www.greateastertakaful.com
Portal Pelanggan : <https://igetintouch.greateastertakaful.com>